

TRANSKRIP MAJLIS AMANAT NAIB CANSOLOR SEMPENA MINGGU MESRA MAHASISWA (3M) SESI 2023/2024 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)

Tuan Naib Canselor (Dato' Prof. Dr. Razli Che Razak):

Bismillahirrahmanirrahim. Terima kasih pengacara majlis.

Alhamdulillah Rabbil 'Alamin.

Barisan Pengurusan Tertinggi Universiti Malaysia Kelantan, Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Nik Maheran Nik Muhammad, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Yang Berbahagia Profesor Dr. Mohammad Ismail, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Yang Berbahagia Profesor Teknologi Dr. Arham bin Abdullah, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Yang Berusaha Encik Khairul Eruwan bin Abdul Halim, Pendaftar, Datin Syahida binti Mohd. Nasir, Bendahari, semua warga UMK yang saya kasihi termasuk staf akademik, staf pentadbiran, dan khususnya kepada anak-anak pelajar baharu UMK. Terima kasih saya ucapkan.

Jumlah pelajar baharu kita tahun ini ialah 3,127 orang pelajar. Alhamdulillah, satu pencapaian yang baik berbanding tahun lepas kerana kita melebihi sasaran 3,000 orang. Negeri paling ramai mahasiswa baharu tahun ini adalah Negeri Kelantan, diikuti Selangor, Sarawak, Terengganu, dan Johor.

Amanat saya pagi ini adalah untuk berkongsi hala tuju UMK sebagai sebuah Universiti Keusahawanan (The Entrepreneurship University). UMK merupakan universiti termuda di Malaysia dengan usia 17 tahun, namun telah mencatat sejarah berada di kedudukan 1,501 universiti terbaik di dunia. UMK juga tersenarai dalam 51 universiti termuda dunia. Pencapaian ini sangat penting. Sebanyak 92.5% graduan kita berjaya mendapat pekerjaan, manakala 10.8% telah menjadi usahawan yang berjaya. Jika tidak mendapat pekerjaan makan gaji, ruang keusahawanan sangat luas untuk diceburi.

Sebagai contoh, kita melihat kejayaan Khairul Aming, seorang content creator terkenal yang berjaya dengan produk sambalnya. Beliau seorang jurutera, kini menjadi usahawan berjaya tanpa menanggung hutang yang membebankan. Inilah contoh anak muda yang kita harapkan dapat menjadi inspirasi kepada mahasiswa UMK.

Kita perlu bersyukur kerana ini adalah impian semua ibu bapa melihat anak mereka masuk universiti, belajar selama 3 hingga 4 tahun, seterusnya berjaya mendapat pekerjaan yang baik atau menjadi usahawan. Ingatlah firman Allah, *"Jika kamu bersyukur, pasti Aku akan menambah nikmat kepadamu..."* Universiti mengajar tentang ilmu, tetapi asasnya adalah adab. Jadilah mahasiswa yang beretika. Kami di Pengurusan Tertinggi akan memberikan ilmu terbaik agar anda menjadi graduan cemerlang.

Mengenai kemudahan asrama, mungkin tidak sama seperti di rumah. Ada pelajar yang mengadu tidak boleh tidur tanpa kipas atau mandi tanpa pemanas air. Namun, kehidupan di asrama mengajar kita erti kesederhanaan dan perjuangan dalam serba kekurangan. Pengalaman ini akan membentuk karakter dan pemikiran kita.

Selain ilmu, mahasiswa UMK terlibat dengan program khidmat masyarakat (CSR). Tugas anda bukan hanya belajar, tetapi juga menyumbang kepada masyarakat serta mempertingkatkan akhlak diri. Ilmu dapat mengubah kehidupan. Saya sendiri berasal daripada keluarga miskin, namun dengan ilmu, kehidupan berubah.

Sebanyak 80.7% pelajar UMK terdiri daripada golongan B40. Dengan bantuan kerajaan, termasuk dana zakat melebihi satu juta ringgit, pelajar dapat menempuh pengajian dengan lebih baik. Jangan bimbang, hubungi HEPA dan Pusat Islam untuk bantuan jika diperlukan. Polisi UMK menetapkan pelajar tahun satu wajib tinggal di asrama agar mereka belajar hidup bersama dan saling memahami.

Ingatlah, dalam hidup ini kita mesti percaya pada diri sendiri. Seorang pemenang tidak akan kalah, tetapi mereka yang awal mengaku kalah tidak akan menang. Jangan terpengaruh dengan gaya hidup berlebihan. Tidak perlu kereta besar atau telefon mahal untuk berjaya.

Seorang guru pernah ditanya, "Bidang apa yang boleh membantu saya mendapat kerjaya terbaik?" Guru menjawab, "Jadilah seorang manusia yang baik." Untuk menjadi manusia yang baik, peluangnya luas tetapi tidak ramai yang mahu bersaing untuk itu.

Mungkin UMK bukan pilihan pertama anda, tetapi percayalah, anda telah ditakdirkan berada di universiti ini. Yakinlah bahawa ini adalah takdir terbaik untuk anda. Jangan lupa jasa ibu bapa. Mereka bertarung nyawa membesarkan kita, dan mereka berharap anak-anak dapat mengubah nasib keluarga. Gunakan masa 3 hingga 4 tahun ini untuk berjuang demi mereka.

Kenapa mahasiswa malas belajar? Pertama, tiada matlamat yang jelas. Kedua, kurang minat dan motivasi. Ketiga, terlalu banyak menghabiskan masa dengan telefon dan kandungan yang tidak bermanfaat. Keempat, ledakan maklumat yang tidak terkawal. Kelima, kurang membaca buku. Orang terkaya dunia membaca sehingga 50 buah buku setahun, satu minggu satu buku. Content creator yang berjaya pula mestilah beradab, kreatif, berfikiran kritis, serta menghasilkan kandungan yang bermanfaat.

Dengan itu, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada anak-anak pelajar baharu UMK kerana sudi memberi perhatian. Selamat datang ke Universiti Malaysia Kelantan.

Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, dan salam sejahtera.